

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada hospital-hospital Kerajaan mempunyai tenaga kerja yang mencukupi bagi peringkat ikhtisas sehingga ke peringkat rendah. Bagaimanakah Kerajaan akan menyelesaikan masalah kekurangan pekerja di hospital-hospital yang menjadi punca kelewatan rawatan dan perkhidmatan yang kurang memuaskan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tenaga kerja di hospital melibatkan pelbagai profesion seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Ahli Sains Kesihatan Bersekutu, Pembantu Perawatan Kesihatan dan sebagainya.

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat sebanyak 268,761 perjawatan dengan 251,698 pengisian iaitu 93.7 peratus di Kementerian Kesihatan Malaysia. Peratusan pengisian bagi kumpulan Pengurusan dan

Profesional adalah 92.8 peratus, kumpulan Paramedik dan Auksiliari 94.1 peratus dan kumpulan Pelaksana 93.4 peratus. Memandangkan pengisian semua skim melebihi 90%, maka tambahan tenaga kerja perlu dibuat menerusi pengisian dan permohonan pengwujudan jawatan tambahan.

Bilangan pakar perubatan telah meningkat sebanyak 12.6% daripada 3,845 orang pada tahun 2013 kepada 4,333 orang pada tahun 2014. Walaubagaimanapun, penambahan pakar masih diperlukan untuk menampung keperluan negara akibat peningkatan beban penyakit. Kerajaan akan terus meningkatkan bilangan pakar misalnya dengan menambah bilangan tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan dalam bidang sarjana perubatan dan memantapkan lagi pengeluaran pakar perubatan melalui laluan paralel.

Tempoh masa rawatan pesakit dan mutu perkhidmatan bukan semata-mata dipengaruhi oleh tenaga kerja manusia, tetapi juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti peningkatan bilangan penduduk, pertambahan bilangan pesakit, kompleksiti penyakit, kemudahan prasarana dan peralatan perubatan seperti dewan bedah, bilik pemeriksaan, kemudahan makmal dan radiologi. Antara usaha yang dilakukan bagi memantapkan mutu perkhidmatan perubatan adalah dengan meningkatkan kualiti pengurusan seperti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 dan program akreditasi hospital, meningkatkan penggunaan teknologi maklumat (IT) bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, penyeliaan perkhidmatan secara regional, memantapkan sistem rujukan antara setiap fasiliti kesihatan, memperkenalkan konsep *Lean Healthcare Management* (dengan izin) serta memperluaskan konsep Hospital Kluster bagi tujuan

perkongsian sumber manusia, fasiliti dan beban tugas di fasiliti kesihatan.